



AHMAD Zubaidi (dua dari kanan) dan Kamarudin (dua dari kiri) bersama 1,000 kakitangan universiti itu melakukan senam robik di Dewan Gemilang, UniSZA, Kuala Nerus baru-baru ini.

Staf UniSZA sertai senamrobik

SIHAT. Seramai 1,000 kakitangan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menyertai aktiviti senam robik beramai-ramai sempena perhimpunan bulanan universiti itu di Dewan Gemilang, UniSZA, Kuala Nerus, Terengganu baru-baru ini.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif berkata, aktiviti itu diadakan bertujuan untuk memupuk amalan



bersenam dalam kalangan kakitangan universiti tersebut. "Senamrobik bukan sahaja aktiviti yang menyihatkan malah mampu memupuk persefahaman, perpaduan dan saling menghormati antara satu sama lain. UniSZA bercadang untuk menjadikan

ia sebagai aktiviti bulanan antara kakitangan sepanjang tahun 2018 ini," katanya.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti UniSZA, Prof. Datuk Kamarudin Hussin.